



Manuscript Title: Penyebaran Ilmu Tentang Munshi Abdullah Dalam Kalangan Masyarakat Cina: Satu Analisis Berdasarkan Perspektif Terjemahan Budaya

Authors: Goh Siew Poh and Ser Wue Hiong

Accepted Date: 14-June-2025

Please cite this article as: Goh Siew Poh and Ser Wue Hiong. Penyebaran ilmu tentang Munshi Abdullah dalam kalangan masyarakat Cina: Satu analisis berdasarkan perspektif terjemahan budaya. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**PENYEBARAN ILMU TENTANG MUNSHI ABDULLAH DALAM
KALANGAN MASYARAKAT CINA: SATU ANALISIS BERDASARKAN
PERSPEKTIF TERJEMAHAN BUDAYA**

***THE DISSEMINATION OF KNOWLEDGE ABOUT MUNSHI ABDULLAH
IN THE CHINESE COMMUNITY: A CULTURAL TRANSLATION
PERSPECTIVE***

Goh Siew Poh* and Ser Wue Hiong

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang,
Malaysia

*Corresponding author: gohsiewpoh@yahoo.com.sg

ABSTRACT

The great Malay writer, Munshi Abdullah, is a controversial figure in Malay literature. Over the years, debates have centred on whether Munshi Abdullah was the father of modern Malay literature or a British stooge. One of the main concerns has been the two contesting interpretations of the origin of Malay cultural modernity. The first interpretation suggests that Malay modernity began after the arrival of Western colonial powers in the 19th century. In contrast, the other interpretation argues that the first wave of modernization in the Malay world started in the 16th century, and that the true father of modern Malay literature should be the great Sufist writer Hamzah Fansuri. In this context, this paper focuses on the Chinese interpretation and translation of Munshi Abdullah's works. The research questions include: (1) How does the Chinese community interpret the works of Munshi Abdullah? (2) what are the views and positions of the Chinese community regarding the controversies involving

Munshi Abdullah? (3) How is the concept of cultural modernity imagined within the Chinese community in relation to modern Malay literature? This study finds that the Chinese perception of Munshi Abdullah is greatly influenced by the Western modernity narrative, which reinforces Munshi Abdullah's position as the "father of modern Malay literature". This phenomenon indicates that the Chinese cultural imagination of modernity leans more towards Western modernity as compared to the Islamic modernity narrative..

Keywords: Munshi Abdullah, Malay literature, Chinese, modernity

ABSTRAK

Munshi Abdullah ialah seorang tokoh besar dalam wadah kesusasteraan Melayu yang tidak lekang dengan kontroversi. Wacananya mencetuskan perdebatan berterusan dalam kalangan sarjana yang mempunyai pandangan berbeza mengenai status Munshi Abdullah dalam sejarah sastera Melayu: Di satu pihak, kepentingan pengaruh kolonial atau budaya Barat dalam pembentukan budaya Melayu moden diiktiraf; manakala di pihak yang lain pula, peranan agama Islam diberikan keutamaan. Perspektif pertama mengangkat Munshi Abdullah sebagai Bapa Sastera Melayu Moden, manakala perspektif kedua sebaliknya memberi pengiktirafan tersebut kepada Hamzah Fansuri yang merupakan seorang penulis sufisme pada abad ke-16 dan ke-17 berbanding Munshi Abdullah. Menariknya, karya-karya Munshi Abdullah bukan sahaja mempengaruhi masyarakat Melayu, bahkan terhadap khalayak masyarakat Cina tempatan melalui terjemahan dan

pengenalan karyanya ke dalam bahasa Cina. Maka, makalah kajian ini memberi tumpuan kepada tafsiran karya-karya Munshi Abdullah oleh masyarakat Cina yang bermula pada tahun 1920-an dan berterusan hingga kini. Kajian ini bertujuan menyelidik tiga buah persoalan penting: (1) Bagaimanakah masyarakat Cina menafsirkan karya-karya Munshi Abdullah? (2) Apakah pandangan dan sikap masyarakat Cina terhadap kontroversi yang melibatkan Munshi Abdullah? (3) Bagaimanakah konsep modeniti budaya dibayangkan dalam kalangan masyarakat Cina terkait dengan perdebatan mengenai kedudukan Munshi Abdullah? Hasil kajian mendapati bahawa pandangan orang Cina terhadap Munshi Abdullah banyak dipengaruhi oleh naratif modeniti Barat yang memperteguhkan kedudukan Munshi Abdullah sebagai Baba Sastera Melayu Moden. Fenomena ini menunjukkan bahawa imaginasi modeniti budaya orang Cina adalah lebih condong ke arah modeniti barat berbanding naratif modeniti Islam.

Kata kunci: Munshi Abdullah, sastera Melayu, Mahua, modeniti

PENDAHULUAN

Tidak dapat disangkal lagi bahawa Munshi Abdullah merupakan seorang penulis yang kontroversi dalam dunia kesusasteraan Melayu. Nama penuhnya ialah Abdullah bin Abdul Kadir – juga digelar sebagai Munshi (guru bahasa) – yang lahir pada tahun 1796 dan meninggal dunia pada tahun 1854 ketika dalam perjalanan ke Mekah untuk menunaikan haji. Beliau terkenal dengan sikap pro-Inggeris dan pandangan kritisnya terhadap masyarakat Melayu. Pengalamannya bekerja di bawah Stamford Raffles dan London Missionary Society pada awal abad ke-19 merupakan pengalaman yang unik dan luar biasa bagi seorang Melayu pada zaman tersebut.¹ Munshi Abdullah memiliki hubungan erat dengan orang Barat yang secara langsung memberi pengaruh terhadap pandangan dan

karya-karyanya. Dalam bidang kesusasteraan Melayu, Munshi Abdullah telah menerbitkan beberapa karya yang mendapat perakuan dan penilaian tinggi daripada para sarjana Barat. Dengan sumbangannya yang besar itu, maka beliau diberikan pengiktirafan sebagai Bapa Sastra Melayu Moden.²

Disebabkan pendiriannya yang pro-Inggeris dan kritik kerasnya terhadap budaya masyarakat Melayu, Munshi Abdullah menghadapi kesulitan untuk diterima oleh masyarakat Melayu bukan sahaja pada zamannya, bahkan juga daripada generasi yang seterusnya.³ Ramai orang menganggap Munshi Abdullah sebagai pengkhianat terhadap agama Islam dan bangsa Melayu, terutamanya disebabkan oleh kerjasama beliau dengan organisasi mubaligh Kristian. Akibatnya, gelaran Munshi Abdullah sebagai Bapa Sastra Melayu Moden seringkali dipersoalkan oleh beberapa pihak.

Polemik yang melibatkan Munshi Abdullah ini mencetuskan dua panggilan berbeza terhadap Munshi Abdullah yang digelar sebagai boneka Barat (the stooge) dan bapa moden (the father) sebagaimana yang dibincangkan oleh Sweeney (2006).⁴ Pihak yang menyokong Munshi Abdullah sebagai bapa moden – yang kebanyakannya terdiri daripada para sarjana Barat dan beberapa orang sarjana tempatan – berpendapat bahawa modeniti budaya (cultural modernity) Melayu adalah bermula dengan pengaruh budaya penjajahan Barat, khususnya British, di kepulauan Melayu. Interaksi budaya antara dunia Melayu dan British dianggap sebagai titik permulaan bagi sejarah Melayu moden. Dalam konteks ini, Munshi Abdullah dilihat sebagai bapa moden kerana beliau merupakan individu terawal dalam kalangan penulis Melayu yang secara ketara menerima ideologi dan fikiran budaya Barat dengan hati terbuka. Unsur-unsur moden dalam karyanya seperti individualisme, realisme dan sebagainya sering dikaitkan dengan pengaruh modeniti Barat.

Bagi mereka yang menganggap Munshi Abdullah sebagai boneka Barat pula, pandangan mereka berakar pada kepercayaan bahawa Islam mempunyai peranan sangat penting dalam perkembangan kebudayaan Melayu. Pandangan ini menekankan peranan dan pengaruh Islam dalam perkembangan dan proses modenisasi sastera Melayu yang bertentangan dengan pandangan yang menyatakan bahawa pengaruh Barat melalui tokoh seperti Munshi Abdullah merupakan faktor utama dalam proses modenisasi tersebut. Sejarah penyebaran Islam di rantau ini bermula semenjak abad ke-14. Pada abad ke-16 dan ke-17, terdapat gelombang Islamisasi yang telah memacu aliran pemikiran baharu dalam dunia kesusasteraan Melayu. Wakil kepada aliran baharu ini ialah Hamzah Fansuri, iaitu seorang penulis sufisme yang terkemuka pada zamannya. Beberapa aspek yang menandakan pemikiran baharu ini termasuklah individualisme, rasionalisme, dan internasionalisme yang sangat berlainan daripada aliran lama. Di sinilah bermulanya proses modenisasi budaya Melayu yang jauh lebih awal berbanding kedatangan kolonial Barat, justeru Syed Naquib Al-Attas (1972) cenderung untuk mengangkat Hamzah Fansuri sebagai “Bapa Kesusasteraan Melayu Moden” berbanding Munshi Abdullah.

Secara ringkasnya, perdebatan di atas tidak memberi tumpuan kepada sosok Munshi Abdullah secara individu, tetapi merangkumi perbincangan yang lebih luas mengenai sejarah sastera Melayu moden serta aspek moderniti dalam budaya Melayu. Apakah yang dipanggil sebagai modeniti? Adakah modeniti mesti dikaitkan ataupun eksklusif kepada Barat sahaja? Perdebatan ini bukan sahaja penting bagi kesusasteraan Melayu, bahkan turut signifikan kepada masyarakat Cina di Malaysia. Usaha-usaha memperkenalkan dan menterjemah sastera Melayu – termasuklah karya-karya Munshi Abdullah – ke dalam Bahasa Cina yang dilakukan oleh kaum Cina sejak awal abad ke-20 merupakan sebuah proses lokalisasi dan pembinaan jati diri di negara ini. Maka, pendirian dan pandangan orang Cina terhadap peranan Islam dan penjajahan Barat dalam perkembangan

budaya Melayu moden adalah amat penting kerana ia secara tidak langsung mencerminkan aspirasi modeniti budaya kaum tersebut dalam konteks lokalisasi budaya. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan membuat penelitian dari sudut sejarah tentang bagaimana orang Cina di Malaysia mentafsir dan menterjemah karya-karya Munshi Abdullah bagi menjawab persoalan-persoalan seperti: bagaimanakah masyarakat Cina menafsirkan karya-karya Munshi Abdullah? Apakah pandangan dan sikap masyarakat Cina terhadap kontroversi yang melibatkan Munshi Abdullah? Bagaimanakah konsep modeniti budaya dibayangkan dalam kalangan masyarakat Cina terkait dengan perdebatan mengenai kedudukan Munshi Abdullah? Persolan-persolan di atas dapat diringkaskan dalam satu soalan iaitu: apakah idaman bagi modeniti budaya kaum Cina?

Untuk mengkaji persoalan yang dibangkitkan di atas, makalah ini akan menggunakan pendekatan teori terjemahan budaya yang mula berkembang sejak penghujung 1970-an. Dari perspektif ini, kajian terjemahan tidak hanya tertumpu kepada isu “kebolehterjemahan” (translatability), tetapi juga meneliti bagaimana proses penterjemahan boleh membawa perubahan terhadap budaya khalayak sasaran. Di samping itu, fokus pengkajian juga beralih dari prinsip “ketepatan” kepada pengenalanpastian faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan penterjemahan, termasuk puitika, ideologi dan sebagainya. Pendekatan ini berpendapat bahawa makna asal sesuatu teks boleh mengalami perubahan apabila diterjemah dan diperkenalkan ke dalam bahasa dan budaya yang lain (Bassnett 2014). Fenomena ini dikenal pasti oleh Lefevere (2017) sebagai “penulisan semula” (rewriting). Konsep ini bukan sahaja merujuk kepada penterjemahan, tetapi juga merangkumi aspek lain seperti penulisan sejarah kesusasteraan, penyuntingan antologi sastera, kritikan sastera dan lain-lain. Hal ini demikian kerana kesemua kegiatan tersebut juga berpotensi mengubah makna sesebuah teks sepertimana berlaku dalam proses penterjemahan. Dalam konteks ini,

pengarang, penterjemah dan penyunting dianggap Lefevere (2017) sebagai “Penulis semula” (rewriters). Namun demikian, harus ditegaskan bahawa konsep “penulisan semula” tidak membawa maksud bahawa segala kegiatan penterjemahan, penyuntingan antologi dan penulisan sejarah kesusasteraan didorong oleh niat negatif untuk memanipulasi makna teks secara sengaja. Bagi Lefevere, kebanyakan penulis semula merupakan individu yang “teliti, rajin, berpengetahuan luas, dan sejujur yang mungkin” (Lefevere 2017: 10; penterjemahan pengkaji). Secara ringkas, perbincangan mengenai penyebaran ilmu tentang Munshi Abdullah dalam kalangan masyarakat Cina, boleh dianalisis menerusi konsep “penulisan semula” dalam konteks teori terjemahan budaya.

NARATIF BAPA MODEN DAN BONEKA BARAT

Sebelum mendalami persoalan yang dibangkitkan di atas, adalah penting untuk kita mengimbas kembali proses pembikinan ilmu tentang Abdullah yang sudah berlaku sejak pertengahan abad ke-19 serta meninjau bagaimana naratif ini telah dicabar oleh naratif-naratif bertentangan.⁵

Gelaran Munshi Abdullah sebagai “Bapa Sastera Melayu Moden” datang daripada pengiktirafan orang Barat. Alfred North – seorang mubaligh Kristian – merupakan pembaca pertama yang memberi penilaian tinggi kepada karya-karya Munshi Abdullah, seperti, “(Abdullah) telah mengarang sebuah karya yang sangat menarik, dalam bahasa Melayu yang indah, dan dari segala aspek merupakan sesuatu yang baharu dalam bahasa tersebut” dan “Tiada karya seumpannya yang pernah dikarang dalam bahasa Melayu sebelum ini” (lihat Skinner 1978: 480-481; penterjemahan pengkaji). Pendapat ini kemudian didukung oleh R.J. Wilkinson – seorang pegawai kolonial – dalam bukunya berjudul *Papers on Malay Subjects* (1908), di mana beliau menyatakan bahawa “...perintis kesusasteraan baharu adalah penulis terkenal bernama Abdullah”

(Wilkinson 1908: 60; penterjemahan pengkaji). Pandangan Wilkinson tersebut diperkukuh oleh sarjana lain seperti R.O. Winstedt dan Pendeta Za'ba. Meskipun Za'ba mengkritik kelemahan gaya bahasa Munshi Abdullah, namun beliau tetap mengakui kedudukan penting Munshi Abdullah dalam sejarah sastra Melayu, "Kesusasteraan Melayu moden bermula dengan 'Abdul'llah bin 'Abdul'l-Kadier Munshi, penulis pertama yang meninggalkan tradisi lama yang berasaskan kisah percintaan ghaib dan hikayat sejarah, lalu merakam peristiwa semasa melalui karya autobiografi yang baharu dan 'Kisah Pelayaran ke Kelantan'." (Zainal Abidin 1940: 142; penterjemahan pengkaji)

Seorang lagi pengkaji sastra Melayu, Cyril Skinner, berpendapat bahawa unsur-unsur baharu yang terdapat dalam karya-karya Munshi Abdullah dapat dihubungkan dengan kedatangan Barat di rantau ini, katanya, "Baharu dimaksudkan segala tulisan prosa Melayu yang sedikit sa-banyak membayangkan pertemuan kebudayaan Melayu asli dengan kebudayaan Barat, hingga pchahnya perang Pasifik." (Skinner 1959: v) Bagi Skinner, elemen-elemen baharu yang terdapat dalam karya-karya Munshi Abdullah merupakan hasil daripada interaksi budaya Melayu dan kolonial Barat. Dalam konteks ini, unsur baharu yang dimaksudkan oleh Skinner boleh difahami sebagai moden. Skinner mengaku bahawa masih terdapat sisa-sisa pengaruh sastra tradisional dalam gaya bahasa Munshi Abdullah, namun beliau tetap berpandangan bahawa terdapat dua aspek pembaharuan dalam karya-karya Munshi Abdullah yang tidak kelihatan dalam penulis-penulis Melayu tradisional lain.

Pertama, berbanding dengan penulis-penulis sastra Melayu tradisional yang cenderung melenyapkan atau merendah-rendahkan diri, Munshi Abdullah pula lebih berani menonjolkan dirinya dalam karyanya:

Tětapi baharu děngan Abdullah timbullah anggapan bahawa sa-saorang pěngarang bukan sahaja sa-orang “tukang tulis” yang sapěrti tukang-tukang yang harus měnurut kěhěndak hati pěnyewa-nya atau tuan-nya, mėlainkan sa-orang manusia děngan pěndapat-nya dan pěndiriannya sěndiri yang dapat, malahan harus, di-kěluarkan dalam karangan-karangan-nya.
(Skinner 1959: 4)

Jadi, berbanding penulis-penulis Melayu terdahulu yang cenderung menyembunyikan diri (self-effacing), Munshi Abdullah pula menonjolkan diri (self-glorifying) dalam karya-karyanya.

Kedua, pembaharuan yang dilakukan oleh Munshi Abdullah ialah karya-karyanya dicetak dengan menggunakan teknik percetakan litografi (percetakan batu). Hal sedemikian ini berbeza dengan karya-karya pengarang lain sebelumnya yang disebarkan dalam bentuk manuskrip.

Walaupun Skinner berpendapat bahawa karya-karya Munshi Abdullah membawa pembaharuan melalui penekanan pada ‘diri’ dan penggunaan litografi, namun pandangannya ini telah dikritik oleh beberapa orang sarjana lain yang membuktikan bahawa perkara tersebut adalah tidak tepat dari segi fakta sejarah. Contohnya, Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972) menyatakan bahawa konsep kepengarangan dan ‘diri’ sebenarnya telah wujud sejak zaman Hamzah Fansuri lagi. Hal ini menunjukkan bahawa penegasan pada ‘diri’ bukanlah sesuatu yang eksklusif kepada Munshi Abdullah sahaja. Selain itu, walaupun Munshi Abdullah merupakan penulis Melayu pertama yang menggunakan teknik percetakan litografi dalam penerbitan karyanya, namun seperti yang dibangkitkan oleh Hadijah Rahmat (1996), adakah penggunaan teknik percetakan baharu ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada sesebuah karya untuk ditentukan

sebagai moden ataupun tradisional? Sekiranya boleh, maka adakah sastera tradisional seperti pantun dan syair yang dicetak boleh dianggap sebagai karya moden? Dalam masa yang sama, kajian juga menunjukkan bahawa Munshi Abdullah bukanlah penulis pertama yang membawa unsur pembaharuan daripada interaksi budaya Melayu dan Barat. Misalnya, karya Lauddin dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dan Ahmad Rijaluddin dalam *Hikayat Perintah Negeri Beggala* yang ditulis lebih awal daripadanya sudah pun kelihatan memiliki pengaruh penjajahan Barat. Karya-karya sebegini disifatkan oleh Sweeney (2005: 27) sebagai ‘sastera istana Eropah’.

Walaupun begitu, Skinner menekankan bahawa model analisisnya yang menyentuh tentang “pertembungan budaya membawa pembaharuan” sangatlah relevan dalam konteks ini. Menurut Skinner, biografi dan kisah pelayaran Munshi Abdullah adalah sangat jelas bezanya berbanding karya sastera Melayu tradisional. Perbezaan ini bukan sahaja kerana ‘individualiti’ yang dibawa oleh Munshi Abdullah jelas terpapar dalam tulisannya, bahkan juga kerana gaya penulisannya yang membawa “gaya prosa kewartawanan”, justeru “kedua-dua karya tersebut memperlihatkan penekanan yang luar biasa terhadap unsur kebenaran dan kenyataan” (Skinner 1978: 470; penterjemahan pengkaji). Putten juga berpendapat bahawa Munshi Abdullah yang bekerja di bawah bimbingan mubaligh Kristian – khususnya Benjamin Keasberry dan Alfred North – telah banyak dipengaruhi oleh mereka. Pengaruh tersebut termasuklah dalam aspek-aspek seperti penghargaan terhadap pengetahuan sains Barat, budaya percetakan, sikap yang tidak mudah tunduk pada penguasa, dan sebagainya (Putten 2006a, 2006b).

Berdasarkan perbincangan ringkas di atas, boleh disimpulkan bahawa terdapat beberapa buah elemen penting yang ditekankan oleh para sarjana – baik dari Barat mahupun tempatan – untuk mengiktiraf Munshi Abdullah sebagai “Bapa

Sastera Melayu Moden”. Pertama, walaupun tidak dipersetujui oleh semua orang (misalnya Za’ba dan Skinner), namun gaya bahasa yang dikatakan sebagai inovatif merupakan salah satu sebab Munshi Abdullah diangkat menjadi “Bapa Sastera Melayu Moden”. Kedua, unsur individualisme yang kuat bukan sahaja membolehkan Munshi Abdullah berani untuk menonjolkan diri, malahan tegas dalam menyuarakan pendapat kritisnya terhadap budaya Melayu dan sistem feudalisme; hal ini berbeza dengan penulis-penulis terdahulu yang cenderung “melenyapkan” diri. Ketiga, penggunaan teknik realisme dalam karya-karyanya telah memisahkan Munshi Abdullah dengan sastera Melayu klasik yang penuh dengan unsur-unsur mitos dan dongeng. Ketiga-tiga aspek ini merupakan sebahagian daripada sebab-musabab Munshi Abdullah diiktiraf sebagai “Bapa Sastera Melayu Moden.” Pada masa yang sama, ia menjadi sebahagian daripada ilmu tentang Munshi Abdullah yang boleh diperkaitkan dengan tradisi ilmu kolonial (colonial knowledge).

Namun begitu, gelaran tersebut dicabar oleh beberapa orang sarjana Melayu selepas era kemerdekaan, termasuklah Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972), Ungku Maimunah (2004, 2016, 2019), Mohd Zariat (2006) dan lain-lain. Mereka berpendapat bahawa Munshi Abdullah bukanlah perintis dalam sastera Melayu moden sebagaimana yang dicanangkan oleh sarjana Barat. Dari segi estetika, bahasa yang digunakan oleh Munshi Abdullah dianggap kurang berkualiti kerana ia merupakan bahasa Melayu rendah yang tidak berpengaruh dalam sejarah sastera Melayu, baik pada zamannya mahupun zaman kemudian. Selain itu, konsep ‘diri’ dan kepengarangan Munshi Abdullah pula sebenarnya telah wujud pada penulis-penulis zaman sebelumnya. Manakala, tradisi realisme sastera Melayu yang dikatakan bermula dengan Munshi Abdullah pula dikritik dari segi tradisi intelektual Islam:

Menurut aliran ini, sastera menjadi manifestasi “realiti”
kehidupan manusia tanpa mencampur adukkannya dengan

unsur-unsur yang bersifat “supernatural” atau transenden. Peminggiran kedua-dua aspek tersebut bertolak daripada pemahaman orang Barat tentang kecukupan “realisme” yang bersandarkan keupayaan pancaindera (human senses) dalam menangani soal realiti kehidupan manusia. (Mohd Zariat 2006: 343)

Demikianlah konteks intelektual, falsafah dan etika yang melahirkan realisme, iaitu konteks yang meminggirkan Tuhan sebagai falsafahnya, di samping menerima kaedah sains sebagai tata caranya. Lanjutan itu, dari segi falsafahnya tertolaklah konsep berkaitan seperti kemutlakan, keabadian, sifat tidak berubah-ubah dan sebagainya, di samping tertegaklah kaedah pengamatan, pemerian, rincian, pendokumentasian dan eksperimen sebagai tata cara analisisnya. (Ungku Maimunah 2016: 210)

Realisme dilihat sebagai fahaman yang berasal daripada tradisi Barat dan berlandaskan sekularisme, justeru ia dianggap tidak selaras dengan tradisi sastera Melayu yang tidak dapat dipisahkan daripada agama Islam.

Jadi, penolakan Munshi Abdullah sebagai “Bapa Sastera Melayu Moden” bukanlah sekadar berasaskan fakta sejarah yang baharu ditemui, tetapi juga disebabkan oleh ideologi yang dibawanya. Realisme yang dikaitkan dengan sekularisme dianggap tidak sejajar dengan tradisi sastera Islam. Oleh sebab itu, ada pandangan yang menyatakan bahawa sejarah sastera Melayu perlu dikaji dan ditafsir semula bagi menapis unsur-unsur asing yang tidak bersesuaian dalam mengangkat serta memperkukuh unsur-unsur yang selaras dengan wacana Islam. Perkara ini mencetuskan dua naratif yang bertentangan antara satu sama lain

dalam mentafsirkan tentang modeniti budaya Melayu, iaitu naratif modeniti Barat dan naratif modeniti Islam.

PENYEBARAN ILMU TENTANG MUNSHI ABDULLAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT CINA

Adakah naratif modeniti Barat atau naratif modeniti Islam yang bersaing antara satu sama lain itu mempengaruhi pemahaman kaum Cina terhadap karya-karya Munshi Abdullah? Persoalan ini boleh diteliti dengan merujuk kepada model lima fasa penyebaran ilmu tentang Munshi Abdullah yang dikemukakan oleh Hadijah Rahmat (2020b: bab 29), iaitu (1) pembinaan ilmu; (2) sirkulasi ilmu; (3) respond kepada ilmu; (4) legasi ilmu; dan (5) cabaran ilmu. Secara ringkas, kolonial British telah mencipta suatu bidang ilmu yang berdasarkan kepada kejayaan Munshi Abdullah, kemudian disebarkan kepada masyarakat melalui badan-badan kerajaan termasuklah institusi pendidikan. Walaupun ilmu tentang Munshi Abdullah menerima pelbagai respon terutamanya bantahan daripada masyarakat Melayu, namun beliau tetap diangkat dan dihormati sebagai legasi penting di rantau ini setelah dibentuk dan disebarkan selama seratus tahun. Pada akhirnya, ilmu tentang Munshi Abdullah menjadi inspirasi dan ilham kepada para pengarang dalam dunia pengkaryaan.

Dari perspektif terjemahan budaya, model lima fasa penyebaran ilmu ini juga boleh dirangka semula melalui konsep “penulisan semula” yang digagaskan Lefevere (2017). Tempoh lima fasa tersebut sebenarnya boleh dianggap sebagai satu proses pemaknaan semula terhadap teks atau ilmu tentang Munshi Abdullah yang melibatkan pelbagai pihak dan pelbagai bentuk kegiatan, termasuk penterjemahan, kritikan sastera, penulisan sejarah dan lain-lain. Kegiatan-kegiatan ini tidak dapat terlepas daripada pengaruh faktor-faktor luaran seperti ideologi, puitika dan sebagainya. Dalam konteks makalah ini, faktor-faktor luaran tersebut merujuk kepada naratif modeniti Barat dan Islam.

Penyebaran ilmu tentang Munshi Abdullah dalam kalangan masyarakat Cina – termasuk terjemahan karyanya dan juga kisah tentangnya – yang ditulis semula oleh penulis semula (rewriters) daripada komuniti tersebut – boleh dianalisis mengikut model lima fasa ini. Terjemahan karya Munshi Abdullah dalam bahasa Cina dapat ditelusuri seawal tahun 1928, iaitu hasil penterjemahan petikan *Hikayat Abdullah* oleh Gu Yinming (郭寅明) dan Wang Danhua (王丹华), yang bertajuk “Sejarah Pengembaraan Sebelum Singapura Diteroka” (新加坡开埠前的探险史) (lihat Abdullah 1928). Selepas perang dunia kedua, ilmu tentang Munshi Abdullah mula tersebar secara meluas dalam kalangan masyarakat Cina, baik di Malaysia mahupun di Singapura, terutamanya melalui artikel-artikel yang disiarkan dalam surat khabar dan majalah bahasa Cina pada era kemerdekaan sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an. Terjemahan lengkap karya *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dihasilkan sekitar tahun 1970 ke 2000. Pada tahun 1950-an hingga 1970-an, terdapat peningkatan signifikan dalam jumlah artikel yang tersiar di surat khabar dan majalah Cina tentang sejarah sastera Melayu. Kebanyakan artikel tersebut mengiktiraf Munshi Abdullah sebagai Bapa Sastera Melayu Moden. Fenomena di atas menggambarkan fasa sirkulasi ilmu, respond kepada ilmu dan legasi ilmu bagi kerangka penyebaran ilmu tentang Munshi Abdullah dalam kalangan masyarakat Cina. Fenomena ini berlangsung di ruang awam (public sphere). Hasil di fasa cabaran ilmu agak kurang memuaskan, cuma beberapa artikel dihasilkan oleh penulis-penulis Cina yang mendapat inspirasi daripada ilmu tentang Munshi Abdullah (lihat Lampiran, kata kunci ‘saduran’). Walau bagaimanapun, apa yang menarik perhatian adalah dari manakah sumber ilmu tentang Munshi Abdullah? Adakah ia diwarisi daripada ilmu kolonial ataupun terpengaruh oleh naratif modeniti Islam?

Secara ringkas, terdapat dua bidang budaya Cina yang terlibat secara langsung dalam penyebaran ilmu mengenai Munshi Abdullah, iaitu bidang sejarah dan bidang sastera. Menurut kajian Lew (2011), tradisi pensejarahan Cina di Malaysia telah mengalami transformasi yang signifikan pada era kemerdekaan. Identiti sejarawan Cina berubah daripada orientasi asal sebagai orang China kepada identiti baharu sebagai rakyat Malaya. Di samping itu, terma ‘Nanyang’ □ □ □ □ digantikan dengan terma baharu, iaitu ‘Asia Tenggara’ □ □ □ □ □, serta sejarah negara-bangsa terutamanya sejarah Malaya diberi keutamaan. Proses ini juga dikenali sebagai proses nyah-Sinisasi. Selaras dengan perkembangan ini, manuskrip-manuskrip Melayu seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Abdullah* dan sebagainya mula dianggap sebagai sumber rujukan penting dalam penulisan sejarah tempatan. Penulis-penulis Mahua bukan sahaja menghasilkan banyak artikel yang memperkenalkan karya-karya Munshi Abdullah kepada khalayak Cina, bahkan turut menterjemah karya-karya tersebut ke dalam bahasa Cina. Menurut kajian Goh (2019), era kemerdekaan menyaksikan peningkatan permintaan untuk mempelajari bahasa dan sastera Melayu dalam kalangan masyarakat Cina di Singapura dan Malaya. Bagi menanggapi percambahan minat ini, ramai penulis Mahua memberi sumbangan melalui penulisan artikel yang memperkenalkan dan berbincang mengenai perihal bahasa dan sastera Melayu. Munshi Abdullah sebagai seorang penulis Melayu yang berkedudukan tinggi dalam sejarah sastera Melayu telah mendapat perhatian yang signifikan dalam kalangan peminat sastera.

Terdapat dua sebab utama teks-teks Munshi Abdullah menjadi tumpuan kepada para sejarawan Cina. Pertama, seperti yang telah dibahas sebelumnya, karya-karya Munshi Abdullah membezakan dirinya daripada sastera tradisional yang mengaburkan batas antara realiti dan mitos dengan menulis berdasarkan fakta. Kedua, pengaruh tradisi cendekiawan Barat yang lebih menekankan pada

metodologi kajian sejarah dalam menilai sastra Melayu berbanding pendekatan estetika. Kecenderungan ini juga turut mempengaruhi sebahagian sarjana Cina dalam membuat penelitian terhadap sastra Melayu. Dalam konteks ini, para sejarawan Cina secara lazimnya tidak memberi tumpuan kepada personaliti Munshi Abdullah itu sendiri melainkan pada isi kandungan yang dianggap penting dari segi sejarah. Sejarawan terkemuka seperti Yen Ching-Hwang (殷靜香), Huang Chih-Lien (黃志廉), dan Choi Kwai Keong (蔡桂卿) telah merujuk teks-teks Munshi Abdullah dalam penulisan sejarah Malaya sebagaimana tercatat dalam karya-karya mereka (lihat Yen 1963, Huang 1970, Choi 1973). Menurut teori dwipusat yang dikemukakan oleh Hadijah Rahmat (1996) – yang melibatkan konsep pusat diri-istana (self-court centrism) – sejarawan Cina lebih cenderung mengutamakan ‘istana’ atau konteks sejarah dan institusi berbanding dengan ‘diri’ yang merujuk kepada aspek individu dan personaliti.⁶ Sebab itulah teks-teks Munshi Abdullah dipandang sebagai sumber yang berharga dalam memahami konteks sejarah dan sosial yang lebih luas berbanding penilaian terhadap nilai individu atau keperibadian Munshi Abdullah itu sendiri. Dengan kata lain, bagi pembaca Cina, adalah sukar untuk mengenali keperibadian Munshi Abdullah sebagai individu melalui karya-karya sejarawan Cina.

Kelompokan ini – iaitu kurangnya pengenalan terhadap aspek peribadi atau ‘diri’ (self) Munshi Abdullah – dapat diisi oleh penulis-penulis Mahua dalam bidang sastra. Sebagai contoh, Lu Po-yeh (1954) dalam artikelnya bertajuk “Setiausaha Raffles” (拉佛士秘書) menyajikan tentang pengalamannya membaca *Hikayat Abdullah*. Lu berusaha memperkenalkan ‘diri’ Munshi Abdullah dengan cara yang mudah difahami oleh pembaca Cina yang secara umumnya kurang akrab dengan sastra Melayu. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Melayu rendah oleh Munshi Abdullah melalui konsep *Baihua* (白話) ataupun bahasa vernakular yang dipopularkan semasa gerakan 4

Mei di negeri China. Pemilihan tajuk artikel “Setiausaha Raffles” dipercayai adalah strategi untuk menarik perhatian pembaca yang telah mengenali tokoh terkenal tersebut. Langkah ini mencerminkan usaha Lu dalam menghubungkan pemahaman pembaca terhadap konteks budaya dan sejarah yang berbeza dengan menggunakan rujukan yang lebih dikenali oleh mereka. Selain itu, Lu juga dapat merumuskan beberapa ciri khas yang terdapat dalam karya-karya Munshi Abdullah. Hal ini termasuklah penggunaan kata ganti diri pertama ‘aku’, kritikan terhadap sistem feudal, penggunaan bahasa yang inovatif, dan unsur-unsur realisme dalam tulisannya (Lu 1954, Lu 1961). Secara jelasnya, pandangan yang diutarakan oleh Lu ini mencerminkan pengaruh ilmu kolonial bagi tafsirannya terhadap kejayaan Munshi Abdullah dalam sastera Melayu. Selain itu, pengaruh modeniti budaya China yang berkembang sejak Gerakan 4 Mei turut terserlah dalam penulisan semula ini, sebagai contoh, konsep *Baihua* telah digunakan dalam mentafsir sumbangan Munshi Abdullah. Hal ini tidak meghairankan, memandangkan seperti yang diujahkan oleh para pengkaji sastera Mahua, modeniti dalam sastera Mahua sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat dengan modeniti budaya China sejak penghujung abad ke-19 (Fang Xiu 1986; Tee 2004; Chia 2009).

Pandangan Lu Po-yeh turut dikongsikan oleh penulis-penulis Mahua yang lain. Liaw Yock Fang dalam siri artikelnya bertajuk, “Perbualan Tentang Sastera Melayu” () telah memperkenalkan latar belakang Munshi Abdullah secara terperinci, “Seorang sejarawan Melayu yang amat penting ialah Munshi Abdullah bin Abdul Kadir (1796-1854), ibunya seorang keturunan India di Melaka, manakala bapanya ialah orang Melaka yang bercampur darah Arab dan Tamil.” (Liaw 1958: 16; penterjemahan pengkaji) Dalam artikel tersebut, Liaw mengulangi pandangan yang telah tersebar luas sejak Alfred North, iaitu, “Abdullah adalah penulis pertama yang membebaskan diri daripada mitos dan

dongeng Melayu, dan menggunakan genre biografi untuk mencatat peristiwa pada zamannya.”(Liaw 1958: 16; penterjemahan pengkaji) Secara umumnya, dalam masyarakat Cina, Munshi Abdullah diakui sebagai pelopor dalam memisahkan antara yang moden dan yang tradisional dalam sastra Melayu. Sastra tradisional sering dikaitkan dengan ciri-ciri seperti kekolotan, kisah mitos, feudalisme, dan pemujaan terhadap penguasa. Sebaliknya, sastra moden dikaitkan dengan nilai-nilai seperti progresif, revolusioner, realisme, sastra rakyat, dan membawa pemikiran kritikal. Berikut adalah beberapa contoh ayat yang mencerminkan perspektif tersebut:

Tradisi sastra Melayu lama adalah sastra feudalisme yang didominasi oleh ideologi pemujaan terhadap raja-raja. Temanya meliputi kisah mitos, kehidupan bangsawan di istana, heroisme, atau kisah cinta yang melodramatik. Namun, Munshi Abdullah mengambil pendekatan yang berbeza dengan menulis secara realistik, berani menyingkap keburukan dan kegelapan realiti. Dia berani mengkritik dan melaknat kegelapan yang ada dalam masyarakat. Karya-karyanya, yang merupakan biografi pertama yang ditulis oleh penulis Melayu, membebaskan sastra Melayu daripada tradisi lama yang korup dan memperkenalkan elemen-elemen baharu dalam sejarah sastra Melayu. (Lu 1961: 3; penterjemahan pengkaji)

Munshi Abdullah merupakan penulis Melayu pertama yang menggunakan kata ganti diri pertama ‘Aku’ dalam karya-karyanya; selain itu, beliau juga meninggalkan teknik penyampaian yang tidak realistik dan bersifat mitos, menggantikannya dengan teknik yang lebih mencerminkan realiti sosial masyarakat Melayu pada masa itu....Di bawah kepemimpinannya, sastra Melayu dapat membebaskan diri

daripada belenggu bahasa klasik yang lama. (Shi Di Wen 1971: 23; penterjemahan pengkaji)

Hikayat Abdullah memiliki dua ciri istimewa yang menonjol: Dari aspek sastera, baik sastera Melayu mahupun sastera Indonesia, karya ini diakui sebagai titik pemisah antara sastera lama dan baharu; dari aspek sejarah pula, pengarangnya, Munshi Abdullah, merupakan saksi bagi peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di Melaka dan Singapura pada abad ke-19, menjadikan karyanya sebagai dokumen penting dalam kajian sejarah. (Yang 1998: iv; penterjemahan pengkaji)

Pandangan tentang Munshi Abdullah yang cenderung serupa ini telah diulang dan dikongsi oleh banyak penulis Mahua dari masa ke masa. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, didapati bahawa perspektif tentang “penggunaan bahasa yang bersifat inovatif”, “pemikiran yang kritikal”, dan “teknik penyampaian yang berdasarkan realisme” adalah berasal daripada ilmu kolonial seperti yang dibicarakan sebelumnya. Penting untuk diperhatikan bahawa pandangan ini tidaklah semata-mata bersifat deskriptif, bahkan turut membawa penilaian subjektif, iaitu konsep bahawa “yang lama tidak sebaigus yang baharu”, “realisme lebih unggul daripada dongeng”, “pemikiran kritikal lebih progresif daripada pemujaan kepada penguasa”, dan sebagainya. Pandangan sebegini sebenarnya merupakan satu set ideologi yang dapat dikaitkan dengan modeniti Barat dan modeniti budaya China. Namun begitu, modeniti Barat memainkan peranan yang lebih dominan kerana ia bukan saja memperkenalkan ideologi yang menekankan kepentingan unsur “pembaharuan” dan “realisme” sebagaimana yang juga dilakukan oleh modeniti budaya China, malahan ia turut menyediakan kerangka ilmu tentang Munshi Abdullah, khususnya kedudukan beliau dalam sejarah sastera Melayu.

Daripada analisis ini, maka dapat disimpulkan bahawa pengaruh modeniti Barat terhadap masyarakat Cina sangatlah mendalam dan signifikan sekaligus memainkan peranan penting dalam menentukan perspektif dan tafsiran penulis-penulis Cina terhadap Munshi Abdullah. Sebaliknya, pengaruh modeniti Islam tampaknya agak lemah terhadap masyarakat Cina meskipun telah mula dicetuskan oleh orang Melayu sejak awal tahun 1960-an. Sebagai contoh, nama Hamzah Fansuri agak terasing bagi khalayak Cina berbanding Munshi Abdullah. Bahkan ada penulis Cina seperti Xiang Fu (1966) dan Yun Ping (1971) yang telah menggolongkan Hamzah Fansuri sejajar dengan sastra istana Melaka, di mana tradisi sastra Istana Melaka ini ditafsirkan oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972) sebagai aliran lama yang bertentangan dengan aliran baharu yang diwakili oleh Hamzah Fansuri.

Walau bagaimanapun, harus ditegaskan bahawa dapatan kajian kes ini hanya membawa maksud bahawa, dalam polemik yang melibatkan Munshi Abdullah, penyebaran ilmu atau penulisan semula mengenai tokoh sasterawan ini dalam kalangan masyarakat Cina, memperlihatkan kecenderungan mereka terhadap naratif modeniti Barat atau ilmu kolonial berbanding naratif modeniti Islam. Berdasarkan analisis buat setakat ini, belum lagi menemui sebarang pandangan baharu daripada komuniti tersebut yang lain daripada naratif modeniti Barat dan Islam yang sedia ada. Kefahaman mereka tentang Munshi Abdullah boleh dikatakan masih terbatas dalam wacana yang telah dibentuk oleh kedua-dua tradisi modeniti tersebut, khasnya naratif modeniti Barat. Namun demikian, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa ideal modeniti budaya Mahua adalah sepenuhnya selari dengan modeniti Barat dan tiada keunikan tersendiri. Sebagaimana yang diujahkan oleh pengkaji-pengkaji lain bahawa masyarakat Cina di Malaysia telah memperlihatkan kesungguhan yang berterusan dalam usaha membina jati diri dan subjektiviti mereka sendiri semenjak era pasca-kemerdekaan lagi (Show 2019). Justeru, aspirasi modeniti budaya kaum Cina

yang dibincangkan dalam kajian kes ini hanyalah mencerminkan sebahagian daripada keseluruhan gambaran ideal tersebut.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pengetahuan tentang Munshi Abdullah yang tersebar luas dalam kalangan masyarakat Cina sebenarnya banyak berlandaskan pada ilmu kolonial atau naratif modeniti Barat. Naratif modeniti Islam yang dicetuskan oleh sarjana Melayu tempatan dan mencabar legasi Munshi Abdullah kurang mendapat perhatian buat masyarakat Cina, malahan ada yang tidak bersetuju dengan naratif ini. Hal ini menunjukkan bahawa, pada umumnya, ideologi modeniti budaya kaum Cina adalah selaras dengan naratif modeniti Barat dalam beberapa buah aspek yang telah dilihat sebagai ideologi yang bersifat universalisme (kesejagatan). Dalam konteks ini, pengertian ‘moden’ sering kali difahami secara sempit, iaitu merujuk kepada pembaharuan atau pemodenan yang dibawa oleh kedatangan orang Barat di seluruh dunia, termasuklah rantau ini. Asal usul modeniti ini dapat ditelusuri kembali ke zaman pencerahan Eropah, di mana konsep-konsep dan sistem-sistem moden seperti negara-bangsa, sistem Westphalia, rasionalisme, sekularisme, kapitalisme, sosialisme, realisme, modenisme dan lain-lain telah diperkenalkan di seluruh dunia melalui kolonialisme, imperialisme dan globalisasi.

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, dunia sarjana mulai mencabar tafsiran modeniti bersifat Eurosentrisme dengan membina naratif baharu yang memberi keutamaan kepada konteks sejarah tempatan di samping menekankan kesedaran untuk tidak terperangkap oleh relativisme yang meragui segala nilai-nilai kesejagatan (lihat Partha Chatterjee 2010, Dipesh Chakrabarty 2011). Dalam usaha mencari asal-usul sejarah moden pra-kolonial, Andaya memanfaatkan strategi pengwilayahan Eropah (provincializing Europe), iaitu sebuah idea yang

dicetuskan oleh Dipesh Chakrabarty, dalam penulisan sejarah Asia Tenggara, katanya:

Dengan kata lain, sekiranya kita dapat melepaskan konsep modeniti daripada kaitannya yang berakar pada Eropah, kita mungkin dapat mengenal pasti pelbagai bentuk modeniti yang wujud merentasi budaya dan zaman, sewaktu “kejayaan” Barat masih belum dianggap sebagai sesuatu yang mutlak. Dalam usaha “memperwilayah” Eropah, kita juga mungkin dapat mengiktiraf bahawa idea tentang “menjadi moden” pernah wujud dalam masyarakat bukan Barat, satu sejarah yang sebelum ini kelihatan seolah-olah tidak pernah wujud. (Andaya 1997: 392; penterjemahan pengkaji)

Dalam kajian Andaya, didapati sejarah awal era moden Asia Tenggara telah bermula sekitar abad ke-16 hingga penghujung abad ke-18. Kriteria yang digunakan untuk mendefinisikan konsep moden adalah melalui tempoh perjalinan hubungan antara sosial yang berkesinambungan (the durable cross-societal bonds), di mana penduduk peribumi tempatan sudah menjalin hubungan rapat dengan budaya asing di rantau lain. Hal ini menunjukkan bahawa interaksi budaya yang membawa pembaharuan dan inovasi telah wujud sebelum penjajahan British di Malaysia. Aspek penting yang ditekankan oleh Andaya adalah ideologi orang Melayu berbeza dengan Barat yang cenderung mengagungkan masa kini dan meremeh-remehkan tradisi, sedangkan orang Melayu mementingkan masa kini tanpa mengabaikan tradisi. Dengan kata lain, asal usul konsep moden tidak terbatas pada Eropah sahaja; bahkan dari segi budaya, ia juga beragam mengikut konteks setempat masing-masing (Andaya 1997).

Hujah yang dibentangkan oleh Andaya (1997) adalah sejajar dengan pandangan Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972) yang berusaha untuk mentakrif semula sejarah moden dalam konteks kebudayaan dan kesusasteraan Melayu. Dari sudut pandangan ini, jelas bahawa modeniti Islam telah memberi sumbangan signifikan kepada sejarah awal moden di rantau ini. Seperti yang ditekankan oleh Syed Muhammad Naguib al-Attas, modeniti Barat di rantau ini adalah lanjutan daripada modenisasi yang telah dimulakan oleh proses Islamisasi. Namun begitu, kedua-dua aliran modenisasi ini bercanggah dari segi ideologi dan kepercayaan sekaligus mewujudkan hubungan persaingan antara satu sama lain. Polemik mengenai status Munshi Abdullah sebagai ‘Bapa Sastera Melayu Moden’ atau ‘boneka Barat’ ternyata berkaitan dengan konteks yang dibincangkan sebelumnya.

Melalui fenomena penyebaran ilmu atau penulisan semula tentang Munshi Abdullah buat masyarakat Cina, didapati bahawa tafsiran dan pemahaman mereka terhadap Munshi Abdullah banyak dipengaruhi oleh ilmu kolonial yang juga dikenali sebagai naratif modeniti Barat dalam konteks makalah ini. Hal ini menunjukkan bahawa, dalam konteks ini, ideal modeniti budaya dalam kalangan masyarakat Cina adalah berpihak kepada naratif modeniti Barat, termasuklah ideologi yang terkandung dalamnya, iaitu individualisme, realisme, dan sebagainya. Sementara itu, modeniti budaya China turut memainkan peranan penting, terutamanya dari segi ideologi yang menekankan unsur “pembaharuan” dan “realisme”. Ideologi sedemikian sedikit sebanyak mempengaruhi kecenderungan intelektual Mahua untuk lebih mendukung modeniti Barat berbanding modeniti Islam. Namun demikian, harus diingatkan bahawa kajian ini tidak beranggapan bahawa ideal modeniti budaya Mahua sepenuhnya menyerupai modeniti Barat dan China, dan tidak mempunyai keunikan tersendiri. Sebaliknya, kajian kes ini hanya mencerminkan sebahagian daripada wajah modeniti budaya kaum tersebut yang bersifat kompleks dan berlapis. Dalam kata lain, topik ini

masih terbuka luas untuk diterokai melalui kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdullah. 1928. Sejarah Pengembaraan Sebelum Singapura Diteroka (terjemahan Gu Yinming dan Wang Danhua). *Nanyang Studies* 2(1): 43-51. [阿勃德拉。〈新嘉坡未开辟前之探险史〉（顾因明、王旦华译）。《南洋研究》]
- Andaya, Barbara W. 1997. Historicising 'Modernity' in Southeast Asia. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 40(4): 391-409.
- Bassnett, Susan 2014. *Translation*. New York and Oxon: Routledge.
- Choi Kwai Keong. 1973. Ciri-ciri Sejarah Kaum Cina di Singapura Sebelum Perang Dunia. *Sinchew Jit Poh*. 1973.6.5: 21. [崔贵强。〈战前新加坡华族史的特征〉。《星洲日报》]
- Cheah See Kian. 2009. *Pengaruh Sastera Revolusi China terhadap Sastera kiri Mahua (1926-1976)*. P. Pinang: Han Chiang College.[谢诗坚。《中国革命文学影响下的马华左翼文学（1926-1976）》]
- Dipesh Chakrabarty. 2011. The Muddle of Modernity. *The American historical Review* 116(3): 663-675.
- Fang Xiu. 1986. *Sejarah Ringkas Sastera Mahua*. Kuala Lumpur: Dong Zong. []
- Goh Siew Poh. 2019. Penglibatan Masyarakat Cina dalam Pergerakan Bahasa Kebangsaan Sekitar 1960-an: Kajian terhadap Bulanan Bahasa Kebangsaan. *Journal of Chinese Literature and Culture* 7(2): 75-92.
- Hill A.H. 1955. *The Hikayat Abdullah*. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 28(3): 3-354.

- Lefevere, André 2017. *Translation, Rewriting, and the Manipulation of Literary Fame*. New York and Oxon: Routledge.
- Lew Bon Hoi. 2011. *Pensejarahan Cina di Malaysia dan Singapura: Transfomasi dari Kajian Nanyang ke Kajian Cina (1930-2009)*. Shanghai: Joint Publishing Company Limited. [廖文辉。《马新史学 80 年：从“南洋研究”到“华人研究”（1930-2009）》。上海：三联书店]
- Lu Po-yeh. 1954. Setiausaha Raffles. *Sinchew Jit Poh* 1954.2.23: 4. [鲁白野。〈莱佛士的文书〉。《星洲日报》]
- Lu Po-yeh. 1961. 50 tahun Kebelakangan ini: Sejarah Perkembangan Sastera Melayu Baharu. *Majallah Bahasa Kebangsaan* 17: 2-4. [鲁白野。〈五十年来——马来新文学的发展史〉。《马来语月刊》]
- Liaw Yock Fang. 1958. Perbualan tentang Sastera Melayu (siri ke-9). *Nanyang Siang Pau*, 1958.10.8: 16. [廖裕芳。〈漫谈马来文学（九）〉。《南洋商报》]
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2006. Kehadiran Barat dan Kesannya terhadap Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 17: 330-361.
- Partha Chatterjee. 2010. Our Modernity. In *Empire and Nation: Selected Essays*, 136-152. New York: Columbia University Press.
- Putten, Jan van der. 2006a. Abdullah Munsyi and the Missionaries. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Oceania* 162(4): 407-440.
- Putten, Jan van der. 2006b. Menyingkap Tempurung Orang Melayu: Sejarah Melayu, Buku Teks dan Abdullah Munsyi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 9(1): 75-93.
- Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud, Nik Nur Hasmiru Husna Bahari. 2019. Abdullah Munshi as the Captured Character in His Own Autobiography. *International Journal of Scientific & Technology Research* 8(8): 43-49.

- Huang Chih-lien. 1970. Penyerahan Singapura dan Kaum Melayu. *Sinchew Jit Poh* 1970.3.8: 16. [黄枝连。〈星加坡的割让与马来族人民（六）〉。《星洲日报》]
- Hadijah Rahmat. 1996. In Search of Modernity: A Study of the Concepts of Literature, Authorship and Notions of Self in “Traditional” Malay Literature. Unpublished Ph.D thesis, University of London School of Oriental and African Studies.
- Hadijah Rahmat. 2020a. *Abdullah bin Abdul Kadir Munshi: His Voyages, Legacies and Colonial History (Volume 1)*. Singapore: World Scientific.
- Hadijah Rahmat. 2020b. *Abdullah bin Abdul Kadir Munshi: His Voyages, Legacies and Colonial History (Volume 2)*. Singapore: World Scientific.
- Kassim Ahmad 2004. Pengenalan. dalam Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah*, pp. xix-xxxv. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Sweeney, Amin. 2005. *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (jilid 1)*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, Ecole francaise d' Extreme-Orient.
- Sweeney, Amin. 2006. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi: A Man of Bananas and Thorns. *Indoensia and the Malay World* 34(100): 223-245.
- Shamsul A.B. 2004. A History of an Identity, an Identity of a History: The Idea and Practice of ‘Malayness’ in Malaysia Reconsidered. In Timothy P. Barnad (edit) *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*, 135-148. Singapore: Singapore University Press.
- Siti Aisah Murad 2004. Sikap dan Pemikiran Munsyi Abdullah. dalam Hamzah Hamdani dan Siti Aisah Murad (penyelenggara), *Kesusasteraan Melayu Moden (1920-1940)*, pp. 19-29. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skinner, Cyril. 1959. *Prosa Melayu Baharu*. London. New York, Toronto: Longmans, Green and Co.

- Skinner, Cyril. 1978. Transitional Malay Literature: Part 1 Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Deel* 134 (4): 466-487.
- Shi Di Wen. 1971. Ringkasan tentang Ciri-ciri Sastera Melayu Baharu dan Lama. *Sinchew Jit Poh* 1971.1.10: 23. [史地文。〈浅谈马来新旧文学的特质〉。《星洲日报》]
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Siran 1961. Tidak Berhak Di-anugerahi Sanjongan: Kontra dari Sulaiman Siran. *Berita Harian* 1961.6.4: 4.
- Show Ying Xin. 2019. Keresahan Subjektiviti Budaya Mahua: Antara Kecinaan, Sifat Lokaliti dan Dunia Ketiga. *Renjian Thought Review* 10: pp.148-171.[苏颖欣。〈马华文化主体性的焦虑：中国性、本土性与第三世界〉。《人间思想》]
- Traill, H.F.O'B. 1982. The 'Lost' Manuscript of the Hikayat Abdullah 'Munshi'. *Journal of the Malaysian Branch of the Rooyal Asiatic Society* 55(2): 126-134.
- Tee Kim Tong (ed). 2004. *Penulisan Semula Sejarah Sastera Mahua*. Nantou: Center for Southeast Asian Studies National Chi Nan University. [张锦忠编。《重写马华文学史论文集》]
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2004. Pensejarahan Kesusasteraan Melayu Moden: Beberapa pengamatan. dalam Hamzah Hamdani dan Siti Aisah Murad (penyelenggara), *Kesusasteraan Melayu Moden (1920-1940)*, pp.1-18. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2016. Ilmu dan Sastera: Perspektif Islam, Barat dan Melayu. dalam Ungku Maimunah Mohd. Tahir (penyelenggara), *Ilmu Teras Persuratan Melayu*, pp.9-67. Bangi: Penerbit UKM.

- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2019. Sendeng-Barat dalam Sastera Melayu Moden: Cabaran Sebuah Cengkaman. *Manu* 30: 1-45.
- Wilkinson, R.J. 1908. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: The F.M.S. Government Press.
- Winstedt R.O. 1940. A History of Malay Literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 17(3): 1-243.
- Xiangfu. 1966. Sastera Melayu Klasik Sebagai Cermin kepada Masyarakat Dahulu Kala: Perkembangan dan Keistimewaan Prosa Lama Sastera Melayu (sambung). *Lang Wah* 12: 1-3. [橡夫。〈作为旧社会之一面镜子的马来古典文学：马来旧韵文的发展与特色（续）〉。《浪花》]
- Yang, Quee Yee. 1998. Kata Pengantar dari Penterjemah, iii-v. dalam *Hikayat Abdullah* (terjemahan Yang Quee Yee). Singapura: Penerbit Tropical. [杨贵谊。〈译者序〉《阿都拉传》（杨贵谊译）。新加坡：热带出版社]
- Yen Ching-hwang. 1963. Kehidupan Masyarakat Malaya di zaman Pertengahan. *Nanyang Siang Pau* 163.1.1: 56. [颜清湟。〈马来亚中古时代的社会生活〉。《南洋商报》]
- Yunping. 1971. Pengenalan Ringkas Sastera Melayu Lama. *Interligensia* 1: 8-10. [蕴平。〈马来古文学简介〉。《知识分子》]
- Zainal Abidin. 1940. Modern Developments. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 17(3): 142-16

Lampiran

Senarai Karya Munshi Abdullah Terjemahan Bahasa Cina

	Tarikh	Tajuk dan Nama Penterjemah/Penulis	Nota(nama dan tajuk asal dan sumber)
1	1928	Abdullah: Sejarah Pengembaraan Sebelum Singapura Diteroka Gu Yinmin dan Wang Danhua	阿勃德拉：〈新嘉坡未开辟前之探险史〉 顾因明和王旦华译 《南洋研究》，No. 2, Bil. 2 Sejarah Terjemahan petikan
2	1934	Abdullah bin Haji Abdul Kadir: Sejarah Awal Singapura Luo Jinghua	Abdullah bin Haji Abdul Kadir：〈新加坡前史之一页〉 罗靖华译 罗靖华著《长夏的南洋》

			Sejarah Terjemahan petikan
3	1954.10.7 1954.10.14 1954.10.21 1954.10.28	Munshi Abdullah: Pelayaran ke Pahang (siri 1-4) Lu Po-yeh	文西·鴨都拉：〈彭 亨之行〉（1-4） 鲁白野译 《星洲周刊》，No. 182, No. 183, No. 184, No. 185 Terjemahan petikan
4	1955.6.1 1955.6.15	Abdullah: Pelayaran Abdullah (siri 1-2) Zai Sheng	阿巫拉：〈阿巫拉 游记〉（上下） 再生译 《马来亚少年》， No. 161 dan No. 16 Sejarah Terjemahan petikan
5	1955.12.10	Abdullah Munsyi: Tian Di Hui di Singapura Yao Hong Sheng	押都拉·门西：〈星 洲天地会〉 姚鸿声译 《蕉风》，No. 3 Sejarah Terjemahan Petikan
6	1955.12.25	Abdullah Munsyi: Seratus Tahun yang Lalu: Tian Di Hui di Singapura Yao Hong Sheng	押都拉·门西：〈百 年前的星洲天地 会〉

Running Head a short version of title less than 50 characters

			姚鸿声译 《蕉风》, No. 4 Sejarah Terjemahan petikan
7	1956.1.10	Abdullah Munsyi: Seratus Tahun yang Lalu: Tian Di Hui di Singapura Yao Hong Sheng	押都拉·门西〈百年前的星洲天地会〉 姚鸿声译 《蕉风》, no. 5 Sejarah Terjemahan petikan
8	1956.6.25	Abdullah: Penangkapan Gajah Lv Zhuo	鸭都拉: 〈捕象记〉 吕卓译 《蕉风》, no. 16 Sejarah Terjemahan petikan
9	1956.8.25	Abdullah: Seratus Tahun yang Lalu: Pasaran Hamba di Singapura Lv Zhuo	鸭都拉: 〈百年前的星洲奴隶市场〉 吕卓译 《蕉风》, no. 20 Sejarah Terjemahan petikan
10	1958.3.19	Peristiwa Kebakaran yang Terawal di Singapura	〈新加坡最早的大火〉

		Xiao Ming	肃明 《南洋商报》， halaman 18 Sejarah Saduran
11	1958.3.25	Batu Nisan dari Zaman Silam Xiao Ming	肃明：〈年代湮远的碑石〉 《南洋商报》， halaman 17 Sejarah Saduran
12	1958.9.30 1958.10.7 1958.10.9 1958.10.13	Kongsi Gelap di Singapura (siri 1-4) Xiao Ming	肃明：〈私会党在新加坡（1-4 完）〉 《南洋商报》， halaman 16 Sejarah Saduran
13	1961.4.9	Munshi Abdullah: Zaman Sekolah Munshi Abdullah Xia Xian	文西·阿都拉：〈文西·阿都拉的学生时代〉 夏弦译 《南洋商报》， halaman 3 Peribadi Terjemahan petikan

14	1961	Hikayat Abdullah (terjemahan petikan) Gu Yi	〈附录（一）： 《鸭都拉传》（摘译）〉 谷衣译 谷衣编《马来新文学的独特性》 Sejarah Terjemahan petikan
15	1961.4.15 1961.4.29 1961.5.13 1961.5.27 1961.7.15	Munshi Abdullah: Cerita-certita Munshi Abdullah Ni Ya	门西·阿都拉：〈门西·阿都拉故事（1-5）〉 尼崖译 《行动周刊》，no. 87, no. 88, no. 89, no. 90, no. 93 Sejarah Terjemahan petikan
16	1961.12.19	Negeri Pahang dalam Penulisan Abdullah Bi Cheng	碧澄：〈鸭都拉笔下的彭亨州〉 《南洋商报》，halaman 14 Sejarah Saduran
17	1963.2.2	Orang Jakun dalam Penulisan Abdullah	马林：〈阿都拉笔下的雅贡人〉

		Ma Lim	《南洋商报》， halaman 16 Sejarah Saduran
18	1964.1.1	Munshi Abdullah: Hikayat Munshi Abdullah Liu Meng	文西阿都拉：〈文 西阿都拉自传〉 柳梦译 《南洋文摘》，no. 49 Peribadi Terjemahan petikan
19	1964.3.1 1964.4.1 1964.5.1 1964.6.1	Munshi Abdullah: Pelayaran Munshi Abdullah ke Kelantan (siri 1-4) Liu Meng	文西阿都拉：〈文 西阿都拉吉兰丹游 记〉（1-4 完）柳梦 译 《南洋文摘》，no. 51, no. 52, no. 53, no. 54 Terjemahan lengkap
20	1966.11.10	Syair Singapura Dimakan Api Xiang Fu	〈新加坡失火史 诗〉 橡夫节译 《浪花》，no. 12 Sejarah Terjemahan petikan
21	1970.3.8	Penyerahan Singapura dan	〈星加坡的割让与

	1970.3.15	Bangsa Melayu (siri 6-7) Huang Zhi Lian	马来族人民（六~七） 黄枝连 《星洲日报》 Sejarah Terjemahan petikan
22	1972.2.3~1972.8.4	Abdullah: Hikayat Abdullah (siri 1-141) Ma Qi	阿都拉：〈阿都拉传〉（共 141 回） 马岂译 《星洲日报》 Terjemahan lengkap
23	1972.6.15	Abdullah: Orang Melayu di Seratus Lima Puluh Tahun yang Lalu Hui Ming	鸭都拉：〈一百五十年前的马来人〉 辉明译 《南洋商报》 Peribadi Terjemahan petikan
24	1972.8.9	Cerita Dahulu Kala di Singapura Cheng	〈新加坡历史故事琐记〉 成 《南洋商报》 Sejarah Saduran
25	1972.8.10 至 1972.9.23	Abdullah: Pelayaran Abdullah (siri 1-37) Ma Qi	阿都拉：〈阿都拉游记〉（共 37 回） 马岂译

			《星洲日报》 Terjemahan lengkap
26	1972.10.10	Abdullah: Pembinaan Institusi Singapura Hui Ming	鸭都拉：〈新加坡书院的建立〉 辉明译 《南洋商报》 Sejarah Terjemahan petikan
27	1973.7.17	Munshi Abdullah: Hikayat Munshi Abdullah Shi Tu	文西·鸭都拉：〈文西·鸭都拉自传〉 史徒译 《南洋商报》 Peribadi Terjemahan petikan
28	1978	Munshi Abdullah: Pelayaran Munshi Abdullah ke Kelantan Liu Meng	文西阿都拉：《文西阿都拉吉兰丹游记》 柳梦译 吉隆坡：马来亚通报 Terjemahan lengkap
29	1993	Munshi Abdullah: Pelayaran Munshi Abdullah ke Kelantan Li Yu Cai	文西阿都拉：《文西阿都拉吉兰丹游记》 黎煜才译

Running Head a short version of title less than 50 characters

			吉隆坡：联营出版 Terjemahan lengkap
30	1998	Abdullah: Hikayat Abdullah Yang Quee Yee	阿都拉：《阿都拉 传》 杨贵谊译 新加坡：热带出版 社 Terjemahan lengkap
31	2000	Abdullah: Pelayaran Abdullah: Kelantan Yang Quee Yee	阿都拉：《阿都拉 游记：吉兰丹篇》 杨贵谊译 新加坡：热带出版 社 Terjemahan lengkap

NOTA

¹ Identiti Munshi Abdullah sebagai seorang Melayu sering dipersoalkan oleh sesetengah pihak. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian terhadap *Hikayat Abdullah* versi tahun 1843 dan tahun 1849, Trail (1982) berpendapat bahawa identiti Munshi Abdullah telah berubah daripada seorang Muslim India kepada seorang Melayu pada tahun 1849.

² Maklumat terperinci mengenai peribadi Munshi Abdullah boleh rujuk Winstedt (1940: 117-120), Hill (1955), Hadijah Rahmat (2020a), selain biografi Munshi Abdullah sendiri yang berjudul *Hikayat Abdullah*.

³ Legasi Munshi Abdullah yang juga sebahagian daripada ilmu kolonial telah mencetuskan perdebatan dalam kalangan orang Melayu pada era kemerdekaan. Sesetengah pihak menganggapnya sebagai “tali barut penjajah Inggeris dan juga sa-orang pengkhianat kepada bangsa Melayu” (Sulaiman Siran 1961: 4). Kritikan ini diteruskan sehingga ke hari ini, sebagai contoh, Rahimah Hamdan, Arba’ie Sujud, Nik Nur Hasmiru Husna Bahari (2019) mengkritik Munshi Abdullah dengan menyifatkannya sebagai ‘*captured character*’. Ilmu kolonial (Colonial knowledge) merujuk kepada satu set ilmu yang dicipta oleh penjajah untuk memudahkan pentadbirannya ke atas tanah jajahannya. Oleh itu, ia meninggalkan kesan yang ketara dan mendalam terhadap objek jajahannya dari dahulu hingga kini. Rujuk Shamsul (2004).

⁴ Walaupun wujud polemik tentang kedudukan Munshi Abdullah dalam sejarah kesusasteraan Melayu, perlu ditegaskan bahawa kajian terhadap beliau tidak terbatas kepada perbincangan yang bersifat dikotomi semata-mata. Terdapat juga penyelidik yang menilai sumbangan Munshi Abdullah secara lebih menyeluruh dan kompleks. Sebagai contoh, Siti Aisah Murad (2004) dan Kassim Ahmad (2004) berpendapat Abdullah bukanlah sekadar seorang yang mesra penjajah Barat. Walaupun beliau mengagumi kemajuan orang Barat, beliau turut

mengkritik kelemahan-kelemahan dalam kalangan mereka. Di samping itu, walaupun beliau bersikap kritikal terhadap budaya dan adat resam orang Melayu, kritiknya bersifat membina, mencerminkan hasratnya untuk melihat orang Melayu berjaya dalam era penuh cabaran ini.

⁵ Kajian lanjut untuk isu ini, rujuk Ungku Maimunah (2004), Sweeney (2005, 2006).

⁶ Lihat lampiran makalah ini. Terma karya-karya Munshi Abdullah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, kebanyakannya berkaitan dengan “sejarah” (court), baik sejarah awal Singapura mahupun sejarah kongsi gelap Tian Di Hui. Sementara itu, tema “peribadi” (self) kurang mendapat perhatian.